LATIHAN PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN

TARIKH : 18/8/2021

KELAS : HIBISCUS

GURU : PUAN NORAZA HASHIM

TAJUK : UNIT 2 – PERGERAKAN BERIRAMA (TARIAN SEMAZAU)

A)BACA PETIKAN DI BAWAH DAN JAWAB SOALAN YANG DIBERIKAN.

Tarian Sumazau merupakan sejenis tarian tradisi rakyat Sabah yang amat terkenal di Sabah dan di seluruh Malaysia. Ia merupakan tarian tradisi suku kaum Kadazandusun yang sering dipersembahkan pada Tadau Kaamatan atau pada perayaan selain Tadau Kaamatan yang bermaksud *Hari Penuaian* yang dirayakan di negeri Sabah pada setiap bulan Mei.

Tarian sumazau dalam bahasa Kadazan , dan sumayau dalam bahasa Dusun. Sumayau dalam bahasa dusun bermaksud menari, dapat dikaitkan dengan perkataan minsayau, bermaksud melompat-lompat

Tarian sumazau yang ditarikan untuk mengucap kesyukuran yang berkaitan dengan kegiatan menanam dan menuai padi dan juga untuk menolak bala, menyemah semangat, dan mengubati penyakit.

Tarian ini ditarikan oleh kaum petani terdiri daripada lelaki dan perempuan dengan memakai pakaian tradisional mereka. Tarian ini dimainkan dengan iringan paluan gong, biasanya 6 buah gong yang berbagai ukuran dan satu gendang dengan rentak yang khusus.

Tujuan asal tarian ini ialah untuk menyambut kedatangan "Bambaazon" (semangat padi) yang biasa dilakukan pada selepas menuai padi.

Penari-penari Sumazau yang terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan biasanya memakai pakaian serba hitam yang dihiasi dengan corak-corak menarik menggunakan benang berwarna emas. Penari perempuan dihiasi dengan selendang serta talipinggang (hinogot) yang diperbuat daripada duit syiling perak (trade dollars) dan set tangkong yang diperbuat daripada tembaga . Penari lelaki biasanya akan memakai tanjak di samping pakaian serba hitam serta menyangkutkan dipinggang daun silad kering sebagai pengganti padi.

LIVEWORKSHEETS

1. Tarian Semazau adalah tarian tradisi rakyat _____.

2. Tarian Semazau adalah tarian tradisi suku kaum _____

3. Tadau Keamatan bermaksud _____

4. Perkataan Semazau berasal dari bahasa _____ dan Sumayau dari bahasa _____

5. Sumayau dalam bahasa dusun bermaksud _____, dapat dikaitkan dengan perkataan minsayau, bermaksud _____

6. Tarian sumazau yang ditarikan untuk mengucap kesyukuran yang berkaitan dengan kegiatan menanam dan menuai _____

7. Tarian ini dimainkan dengan iringan paluan 6 buah _____ yang berbagai ukuran dan satu _____

8. Tujuan asal tarian ini ialah untuk menyambut kedatangan _____ (semangat padi) yang biasa dilakukan pada selepas menuai padi.

9. Penari-penari Sumazau yang terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan yang memakai pakaian berwarna _____ yang dihiasi dengan corak-corak menarik menggunakan benang berwarna _____

10. Penari perempuan dihiasi dengan selendang serta talipinggang yang dipanggil _____ yang diperbuat daripada duit syiling perak (trade dollars) dan set tangkong yang diperbuat daripada tembaga .

LIVEWORKSHEETS

B)ISIKAN 'PERGERAKAN LOKOMOTOR' ATAU 'PERGERAKAN BUKAN LOKOMOTOR' UNTUK AYAT DI BAWAH.

Pergerakan bergerak ke sisi kanan dan kiri	
Pergerakan enjut setempat	
Pergerakan enjut bersilang setempat	
Pergerakan enjut bersilang maju ke hadapan	
Pergerakan enjut sebelah kaki setempat	

C) NAMAKAN PAKAIAN YANG DIPAKAI OLEH PENARI LELAKI DAN PEREMPUAN DI BAWAH.

LIVEWORKSHEETS